

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN JONATHAN BIN YASIN**  
**KAWASAN : RANAU**  
**TARIKH : 20 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB TUAN JONATHAN BIN YASIN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah laluan Pan Borneo akan disiapkan untuk melintasi daerah Ranau dan kos yang terlibat.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan pelaksanaan 35 pakej kerja bagi projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah turut merangkumi perancangan naik taraf jalan persekutuan sedia ada yang melintasi daerah Ranau, iaitu dari Ranau ke Kampung Nabutan. Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri baru-baru telah bersetuju dengan cadangan hala tuju pelaksanaan projek LPB Sabah, iaitu antara lain supaya pelaksanaan projek diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas melibatkan 15 pakej kerja daripada keseluruhan 35 pakej kerja di peringkat awal perancangan. Baki 20 pakej kerja yang turut melibatkan naik taraf jalan di Ranau dijadual akan dilaksanakan seawal Rancangan Malaysia Keduabelas yang turut tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.